**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PENIAGAWATI KE 41**

**TARIKH : 25 Jun 2025**
**MASA : 2pm - 5pm**
**TEMPAT : Perdana Kuala Lumpur City Centre**

**KEHADIRAN :** Ahli Seumur Hidup (LM) - 32 orang
Ahli Biasa (OM) - 6 orang
Proksi - 0 orang

**PENGERUSI : Ybhg Puan Noriah Ashari**
Yang Di Pertua

**<u>AGENDA</u>**

1.0 Pengesahan Korum dan Kata Aluan oleh Pengerusi

2.0 Ucapan Dasar Presiden PENIAGAWATI

3.0 Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-40

4.0 Laporan Aktiviti Tahunan bagi Sesi 2024-2025

5.0 Membentang dan Meluluskan Penyata Kewangan 2024

6.0 Pelantikan Auditor Dalaman bagi Tahun 2025

7.0 Pelantikan Auditor Luaran bagi Tahun 2025

8.0 Pembentangan Usul

9.0 Lain-Lain Hal

| BIL | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **1.0** | **Pengumuman Koram dan Kata Aluan Pengerusi** | |
| 1.1 | Pengerusi memaklumkan kepada sidang mesyuarat bahawa ahli yang hadir memenuhi koram adalah seperti berikut:<br><br>Ahli Seumur Hidup 32<br>Ahli Biasa 6<br>Proksi 0<br>**38 orang** | |
| 1.2 | **Kata Aluan Pengerusi**<br><br>Mesyuarat dimulakan dengan ucapan oleh Yang DiPertua PENIAGAWATI, Pn Noriah Asyari, yang mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-41. | |
| **2.0** | **Ucapan Dasar Presiden PENIAGAWATI** | |
| 2.1 | Presiden YBhg Dato' Emmy Suraya Hussein mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli yang hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan ke-41 PENIAGAWATI. | |
| 2.2 | Presiden menjelaskan beberapa perkara yang telah berjaya diusahakan oleh barisan EXCO dan AJK seperti:<br><br>- Mendapat kelulusan daripada JPPMWPKL terhadap pindaan perlembagaan yang telah dibuat<br>- Proses mendigitalkan PENIAGAWATI telah bermula dengan rombakan sistem keahlian dan perakaunan melalui sistem digital yang diintegrasikan dengan laman web rasmi<br>- Menandatangani MOU bersama PERKESO untuk mempromosi Skim Pekerja Sendiri dan Skim Suri Rumah<br>- Mengikut semula jadual asal Mesyuarat Agung Tahunan setelah beberapa tahun mengejar penangguhan | |
| 2.3 | Presiden mengumumkan Majlis Makan Malam DiRaja dirancang diadakan pada 26 September 2025 sempena 45 Tahun Ulangtahun PENIAGAWATI dan jemputan rasmi telah dihantar kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong. | |

| | | |
|---|---|---|
| **3.0** | **Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-40** | |
| 3.1 | Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-40 telah dibentangkan oleh Setiausaha Kehormat dan disahkan oleh:<br><br>- **Pencadang: Dr. Azrina Torman** (LM0034)<br>- **Penyokong: Haniza Abdul Wahab** (LM0094) | |
| **4.0** | **Laporan Aktiviti Tahunan 2024-2025** | |
| 4.1 | Puan Sharifah Azizah Sayeed Aman Ghazali, Setiausaha Kehormat telah membentangkan program & aktiviti PENIAGAWATI sepanjang tahun 2024-2025 seperti yang dilampirkan. | |
| **5.0** | **Laporan & Penyata Kewangan Tahun 2024** | |
| 5.1 | Laporan kewangan yang telah diaudit untuk tahun berakhir 31 Disember 2024 dibentangkan oleh Puan Selinastein Mohd Rashid, Bendahari Kehormat.<br><br>Laporan diterima dengan penuh.<br><br>- **Pencadang: Dato' Azlin Ahmad Shaharbi** (LM0030)<br>- **Penyokong: Datin Shuryati Datuk Shuaib** (LM2041) | |
| **6.0** | **Pelantikan Juruaudit Dalaman bagi tempoh 2025-2026** | |
| 6.1 | Juruaudit Dalaman Dato' Noor Zaleha Binti Baharudin (OM2302)<br><br>- **Pencadang: Ku Nor Nadia Binti Ku Yahya Kamardin** (LM1146)<br>- **Penyokong: Athirah Nor Binti Kamarudin** (LM0408) | |
| **7.0** | **Pelantikan Juruaudit Luaran bagi tempoh 2025-2026** | |
| 7.1 | Juruaudit Luaran adalah A Razak & Co.<br><br>- **Pencadang: Dr Azrina Torman** (LM0034)<br>- **Penyokong: Selinastein Mohd Rashid** (LM1833) | |

| | | |
|---|---|---|
| **8.0** | **Pembentangan Usul** | |
| 7.1 | Usul #1: Pertukaran Alamat Rasmi Pejabat PENIAGAWATI<br><br>Perpindahan alamat rasmi pejabat PENIAGAWATI Malaysia ke Lot 04-05, Aras 4, Bangunan Busana Menara MARA, 232 Jalan Tunku Abdul Rahman, 50100 WP Kuala Lumpur.<br><br>Perpindahan dicadangkan atas faktor penjimatan kos operasi dan mudah akses kepada ahli-ahli.<br><br>- **Pencadang: Sharifah Azizah Sayeed Aman Ghazali** (LM1847)<br>- **Penyokong: Hasnida Abdul Hamid** (LM1821) | |
| 7.2 | Usul #2: Perpindahan Telegram ke Whatsapp Business<br><br>Perpindahan dicadangkan untuk memudahkan komunikasi bersama semua ahli PENIAGAWATI.<br><br>- **Pencadang: Sharifah Azizah Sayeed Aman Ghazali** (LM1847)<br>- **Penyokong: Yulia A. Hamid** (LM1855) | |
| 7.3 | Usul #3: Kad Nama Dan Uniform PENIAGAWATI Untuk Ahli<br><br>Dicadangkan agar semua ahli memakai Baju Korporat dan diberi kad nama PENIAGAWATI untuk menampakkan kebersamaan.<br><br>**Pencadang: Hjh Halimah Abdul Kadir** (LM2311)<br><br>Usul **Ditolak** sebab baju korporat dan kad nama hanya untuk AJK. | |
| **9.0** | **Lain-lain Hal** | |
| 9.1 | Pemindaan dan Penggabungan Tabung Anak Angkat dan Tabung Rahmah<br><br>Dicadangkan agar skop Tabung Anak Angkat diperluaskan untuk merangkumi penerima manfaat (*beneficiaries*) yang lebih luas, bukan terhad kepada anak angkat sahaja. Usul ini turut mencadangkan agar Tabung Anak Angkat digabungkan bersama Tabung Rahmah bagi menyelaraskan tujuan dan pengurusan bantuan kebajikan di bawah satu inisiatif yang lebih menyeluruh dan inkuslif.<br><br>- **Pencadang: Datuk Noraini Soltan** (LM0210)<br>- **Penyokong: Hafizah Abu Bakar** (LM1851) | |

| | | |
|---|---|---|
| | Makluman program-program yang akan datang:<br>1. Pertandingan Mencipta Logo 45 Tahun Ulangtahun Peniagawati<br>2. Your Time to Unwind<br>3. MOU bersama PERKESO<br>4. Program Pasar Seouloka<br>5. Big Sabah Sale<br>6. Perancangan Pembukaan Chapter di Zon Sabah, Utara, Pantai Timur dan Selatan Malaysia. | |
| **10.0** | **Penutup** | |
| 10.1 | Pengerusi mesyuarat mengakhiri Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-41 dengan ucapan penghargaan kepada semua ahli yang hadir dan menggalakkan penyertaan aktif dalam program PENIAGAWATI yang akan datang. | |
| | Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 41 ditangguhkan pada jam 4.55 petang. | |

**Disediakan Oleh:**



**Sharifah Azizah Binti Sayeed Aman Ghazali**
Setiausaha Kehormat PENIAGAWATI

**Disemak Oleh:**



**Dato' Emmy Suraya Hussein**
Presiden PENIAGAWATI

**Tarikh:** 1 AUG 2025